

22/10/2003

Kupasan pemikiran Dr M perlu jujur: Tajol

Munaarfah Abu Bakar

IPOH: Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali mahu penganjur seminar dan penerbit buku yang mengupas pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menterjemahkan pemikiran itu kepada bentuk tindakan yang dapat membawa kepada pembaikan sikap masyarakat Islam di negara ini.

Beliau berkata, usaha itu perlu berikutan terlalu banyak penganjuran majlis ilmu dan penerbitan buku berhubung pemikiran Perdana Menteri.

Katanya, pihak yang menganjurkan seminar serta menerbitkan pengupasan fikiran Dr Mahathir perlu ikhlas serta jujur melakukan perkara itu dan bukan melakukannya untuk kepentingan peribadi.

"Kita harus memperingati Dr Mahathir sebagai tokoh Islam yang lebih dekat dengan kita berbanding tokoh atau pemikir Islam yang hidup sebelum ini.

"Atas dasar itulah, setiap majlis ilmu atau buku yang diterbitkan berhubung pemikiran dan kejayaan beliau perlu dibuat secara jujur serta ikhlas dalam usaha mengubah sikap masyarakat Islam di negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Dr Mahathir Pemikir Islam di Dewan Serbaguna Institut Tadbiran Islam (INTIM) di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Pembangunan Usahawan dan Penerangan, Datuk Ramly Zahari dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas negeri, Najmuddin Elyas Al Hafiz.

Seminar sehari itu adalah anjuran bersama kerajaan Perak dan Jabatan Hal Ehwal Khas negeri itu.

Sementara itu, Pensyarah Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Nor Azaruddin Husni Nuruddin ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pemikiran Sains Dr Mahathir, berkata, Perdana Menteri sering menekankan pentingnya aplikasi sains dan teknologi sebagai tuntutan Islam bagi menentukan ketamadunan sesuatu bangsa.

Katanya, negara ini di bawah kepemimpinan Dr Mahathir telah meletakkan Malaysia sebagai negara membangun yang mampu menjadi contoh kepada negara Islam yang lain dengan membangunkan ekonomi negara melalui penguasaan sains dan teknologi.

Malah, beliau berkata, melalui penganjuran Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) jelas menunjukkan ilham Perdana Menteri mahu memberi mesej kepada Muslim bahawa teknologi angkasa adalah penting untuk umat Islam.

Selain itu, katanya, bidang bioteknologi juga telah dijadikan satu teknologi wawasan Dr Mahathir yang mana negara ini adalah salah sebuah daripada 12 negara mega biodiversiti yang boleh membangunkan bidang bioteknologi.

Ini dapat dilihat apabila kerajaan memperuntukkan RM17 bilion untuk menubuhkan 'Bio Valley Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

"Kekhalifahan atau kepemimpinan bagi seorang pemimpin itu pada hakikatnya berintikan misi pentamadunan dalam erti kata membangun dan memakmurkan bumi secara yang diredai Ilahi," katanya.